

14/12/1998

Amanat Dr M perlu jadi asas perjuangan

AMANAT Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ahli Umno dan orang Melayu bersatu padu perlu dijadikan asas perjuangan dalam menghadapi ancaman kuasa asing serta menangani masalah dalaman.

Beberapa pemimpin Umno sependapat langkah itu penting kerana parti berkenaan adalah satu-satunya wadah yang mampu mempertahankan seluruh kepentingan negara, bangsa dan agama.

Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein berkata, pengalaman yang rakyat dan Umno terpaksa lalui kebelakangan ini sedikit sebanyak menyedarkan perwakilan serta pemimpin Majlis Tertinggi (MT) iaitu tidak ada wadah selain Umno yang mampu membela nasib anak bangsa.

"Justeru, persengketaan di kalangan ahli atau persengketaan antara orang Melayu sendiri hanya akan memecahbelahkan rakyat sekali gus tidak memberi apa-apa manfaat," katanya.

Beliau turut menegaskan, semua pihak yang melaung-laungkan pemilihan dalam parti dilakukan secara bersih, supaya membuktikan perkara itu.

"Saya harap ia bukan setakat retorik tetapi semua calon sesungguhnya perlu mengamalkan pendirian yang sama," katanya.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata ucapan itu perlu menjadi panduan untuk mengukuhkan parti supaya Umno terus kuat dan pemimpin pula boleh berkhidmat kepada parti dan negara.

"Amanat itu perlu bagi mengelak ada ahli terpengaruh dengan pihak asing sehingga menyebabkan parti menjadi lemah dan akhirnya berpecah," katanya mengulas ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Khas Umno di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh meminta supaya ahli Umno menerima amanat Dr Mahathir sebagai nasihat bapa kepada anak-anak.

Mengenai ahli Umno yang menjadi dalang asing, beliau berkata masalah itu berlaku kerana mereka tidak mempunyai rasa kecintaan kepada negara sehingga sanggup diperalatkan oleh orang lain.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, pula mahu ahli Umno memilih pemimpin berdasarkan tiga ciri utama yang digariskan oleh Dr Mahathir iaitu mempunyai semangat nasionalis, tidak berpuak dan tidak menjadi boneka asing.

"Ciri ini penting kerana bekas penjajah masih menyimpan hasrat untuk menguasai negara lebih-lebih lagi selepas melihat rantau ini mampu membina kekuatan," katanya.

Oleh itu, katanya, Umno sewajarnya mempertahankan kemerdekaan dengan membina kekuatan kepemimpinan yang terpelihara daripada pengaruh kuasa asing yang sentiasa berusaha mencari peluang.

Bekas ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Dr Rais Yatim, berkata teras kekuatan Umno ialah memastikan setiap orang Melayu tahu kuasa yang ada pada mereka.

"Sebabnya, kita ramai dan kita mempunyai agenda Melayu sendiri. Itulah yang menjadi teras kepada perjuangan akan datang dan bukan berasaskan kepada angan-angan peribadi (orang) yang hendak jadi pemimpin.

"Saya kira sekarang ini pemimpin ramai...tinggal lagi penentuan asas-asas kepada sahsiah seseorang itu mesti dikira bergantung kepada rekod dan juga kewibawaan beliau itu," katanya.

Bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Mohd Zahid Hamidi, berkata semua ahli parti bertanggungjawab memperkukuhkan parti bagi menjamin kuasa pemerintahan kekal di tangan kerajaan yang diterajui Umno.

Katanya, perebutan kedudukan dalam parti hanya akan memecah-belahkan dan melemahkan parti dan menjurus kepada kekalahan dalam pilihanraya.

"Jika sesuatu kedudukan itu menyebabkan kita kalah dalam pilihanraya maka ia tidak ada makna. Justeru, semua ahli perlulah terus memperkukuhkan parti supaya ini dapat diterjemahkan kepada kemenangan dalam pilihanraya," katanya.

Ketua Bahagian Beruas, Datuk Hamdi Abu Bakar, berkata ahli Umno yang inginkan perpaduan parti perlu bersungguh-sungguh menyokong dan mentaati pucuk kepimpinan parti, bukan sekadar memperkatakan mengenainya saja.

"Apabila kita berkata kita menyokong parti yang penting ialah kita menyokong mereka yang memimpin parti setiap masa," katanya.

Wakil Rompin, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata, amanat presiden itu adalah satu pesanan yang amat penting untuk generasi pewaris Umno agar mereka tidak melupai tujuan perjuangan parti.

Katanya, perpaduan orang Melayu dan Umno amat penting untuk kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan negara.

"Dunia sendiri sudah mengiktiraf Malaysia maju kerana orang Melayu, kerana Umno...untuk terus kekal maju orang Melayu perlu terus bersatu," katanya.

(END)